

MAHATHIR - PELAMPAU

ALOR SETAR, 19 OKT (BERNAMA) -- KERAJAAN BARISAN NASIONAL TIDAK MEMPUNYAI TEMPAT UNTUK GOLONGAN PELAMPAU KAUM YANG BOLEH MENJEJASKAN KERJASAMA ANTARA KAUM DI NEGARA INI, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI.

+KITA HANYA PERLU KESEDERHANAAN DAN TOLAK ANSUR UNTUK MENENTUKAN PEMERINTAAN NEGARA INI DIJALANKAN DENGAN ADIL KEPADA SEMUA KAUM,+ KATA PERDANA MENTERI SEMASA BERUCAP KEPADA KIRA-KIRA 3,000 ORANG DI SEKOLAH MENENGAH HOSBA, 30 KM DARI SINI.

BELIAU BERKATA, SIKAP KETERLALUAN DAN MELAMPAU SERTA MEMENTINGKAN KEHENDAK SESUATU KAUM SAHAJA TIDAK SELARAS DENGAN SEMANGAT KERJASAMA PELBAGAI KAUM, TERMASUK KAUM MINORITI YANG MEMPUNYAI KEPENTINGAN DAN KEHENDAK YANG BERBEZA.

+BAGAIMANAPUN, SIKAP TOLAK ANSUR ITU TIDAK BERMAKNA KITA TERPAKSA MENGADAIKAN MARUAH BANGSA DAN AGAMA, SEMATA-MATA HENDAK MENDAPAT UNDI,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JELAS MERUJUK KEPADA +KERJASAMA+ PRESIDEN PARTI SEMANGAT 46, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH DENGAN PARTI BERSATU SABAH (PBS).

PERDANA MENTERI MENAMBAH KATA: +JANGANLAH SAMPAI MEMBELAKANGKAN AGAMA DAN MARUAH BANGSA. KITA TIDAKLAH SAMPAI BERBUAT BEGITU TETAPI ADA ORANG SANGGUP DENGAN HARAPAN DAPAT MENJADI PERDANA MENTERI+. -- LAGI

2353MST 19 10 90

D547

R B036 BAH
MAHATHIR - PELAMPAU 2 ALOR SETAR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BARISAN NASIONAL MAHUKAN KERJASAMA SEMUA KAUM MENJADI ASAS KEPADA KEAMANAN NEGARA KERANA, MENURUTNYA, SEKIRANYA NEGARA HURU-HARA DAN TIDAK TENTU ARAH, AKHIRNYA RAKYAT AKAN RUGI.

KERAJAAN YANG ADA HARI INI, TAMBAH BELIAU, AKAN MEMASTIKAN KEADILAN DIUTAMAKAN DALAM SEMUA HAL.

+DALAM HAL INI KITA MAHU INGATKAN BAHAWA ORANG MELAYU TIDAKLAH TAMAK KERANA KITA MEMBERI BEBERAPA KERUSI PARLIMEN DAN DEWAN UNDANGAN NEGERI KEPADA CALON BUKAN MELAYU, WALAUPUN KITA TAHU KAWASAN-KAWASAN BERKENAAN MEMPUNYAI MAJORITI PENGUNDI MELAYU,+ KATANYA.

SEKIRANYA BARISAN NASIONAL TIDAK BERLAKU ADIL, AGAK SUKAR CALON-CALON CINA DAN INDIA BERPELUANG BERTANDING, DAN TIDAK ADALAH PERWAKILAN KAUM-KAUM MEREKA DALAM KABINET, YANG DIBENTUK ATAS SEMANGAT KERJASAMA UNTUK KEBAIKAN SEMUA KAUM.

MENGENAI KERJASAMA TENGGU RAZALEIGH DENGAN BEBERAPA PARTI PEMBANGKANG, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +PAKATAN YANG DIADAKAN ITU HANYA UNTUK PILIHAN RAYA DAN SEKIRANYA DIPILIH NANTI, MEREKA TIDAK AKAN DAPAT MEMERINTAH DENGAN ADIL KERANA ANGGOTA PARTI GABUNGAN, YANG EKSTRIMIS HANYA MEMENTINGKAN SESUATU KAUM TANPA MENGIRA KEPENTINGAN KAUM LAIN+.

PERDANA MENTERI KEMUDIAN MENGUMUMKAN BAHAWA PENERUSI ARAB-MALAYSIA DEVELOPMENT BANK, TAN SRI AZMAN HASHIM MENDERMAKAN \$300,000 UNTUK PEMBINAAN MASJID HOSBA DI SINI UNTUK MENGANTIKAN MASJID YANG ADA SEKARANG. -- BERNAMA